

HUBUNGAN DI ANTARA CARA MEMBESARKAN ANAK DENGAN  
MOTIVASI PENCAPAIAN REMAJA.

HASHAZAH BT. MOHD. HASHIM

no:matrik 059198

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA MUDA SASTERA

Billik Sumber  
Jabatan Antropologi & Sosiologi  
Universiti Malaya

JABATAN ANTROPOLOGI & SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
59100 KUALA LUMPUR

SESI 1993/94

(i)

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Bersyukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini.

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada Cik Jas Laile Suzana Jaafar selaku penyelia yang telah banyak memberi peransang dan nasihat yang membina kepada saya selama ini dan juga kepada pengetua-pengetua sekolah yang telah memberikan kerja sama kepada saya menjalankan kajian di sekolah-sekolah berkenaan.

Tidak lupa juga buat emak dan ayah serta ahli keluarga yang lain yang sentiasa mendoakan dan berkorban untuk kejayaan saya.

Buat Erra dan Amin di atas persahabatan serta kenangan pahit manis yang telah dilalui bersama semasa menyiapkan tesis ini, buat 'Ain yang pemurah dengan senda guraunya dan idea-idea yang bernas, Lily yang banyak memberi sokongan moral, Inaz yang sering bertanyakan khabar dan Mie yang banyak membantu dalam pengendalian komputer dan akhir sekali buat rakan-rakan seperjuangan yang dikasihi ..... Wassalam (31 Januari 1994).

(ii)

## **SNOPSIS**

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana cara membesarkan anak yang berbentuk penyayang dan terlalu mengawal oleh ibubapa mempengaruhi pembentukan motivasi pencapaian seseorang remaja. Kajian ini telah dijalankan di empat buah sekolah iaitu, Sekolah Menengah Damansara Utama, Sekolah Menengah (P) Sri Aman, Sekolah Menengah Pandamaran Jaya dan Sekolah Menengah (L) Sultan Abdul Samad. Alat ukuran kajian yang telah digunakan terbahagi kepada dua iaitu melihat cara membesarkan anak dan mengukur motivasi pencapaian.

Skil yang digunakan untuk mengukur cara membesarkan anak ialah Skil The Parental Bonding Instrument(1978) sementara skil motivasi pencapaian pula iaitu Skil Motivasi Pencapaian Mehrabian (1969).

Seramai 150 orang pelajar telah terlibat dalam kajian ini dengan taburan seramai 68 orang responden lelaki dan 82 orang responden perempuan.

Data yang diperolehi telah dianalisis dengan kaedah ANOVA dua hala dan kaedah korelasi. Secara keseluruhan keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan cara membesarkan anak dengan tingkat motivasi pencapaian para pelajar.



**BAB 2 : METOD****PENDAHULUAN**

Mehrabian Scale Achievement	28
Smith Achievement Scale	33
The Parental Bonding Instrument	34
Cara Mentadbir Kajian	36
Masalah Semasa Menjalankan Kajian	36
Analisa Data	38

**BAB 3 : KEPUTUSAN KAJIAN**

Pendahuluan	39
Keputusan Hipotesis 1	39
2	41
3	43
4	44
5	45
6	46
Kesimpulan	47

## BAB 1

### PENGENALAN

Anak merupakan anugerah Tuhan kepada ibubapa. Ibubapa pula sebagai agen yang melahirkan anak ke dunia ini diberi peranan untuk membesarkan mereka. Peranan membesarkan anak yang dimaksudkan ini ialah seperti mendidik, memberi perlindungan, memberi makanan yang berkhasiat, menyediakan tempat tinggal yang sempurna serta memastikan anak tersebut dapat menjalani proses perkembangan kognitif dan mental yang baik.

Tanggungjawab membesarkan anak ini bukanlah mudah kerana ia melibatkan suatu proses yang berterusan iaitu sejak anak dilahirkan sehinggalah mereka meningkat matang dan mampu berdikari sendiri. Biasanya tahap ini dikenali sebagai peringkat remaja; iaitu zaman transisi dari alam kanak-kanak menuju kealam kedewasaan. Zaman transisi ini pula diibaratkan sebagai zaman haru-biru oleh sesetengah pengkaji kerana pada peringkat ini, seseorang remaja dikatakan mengalami beberapa perubahan dari segi bentuk fizikal, mental serta psikologi yang mana kadang-kadang perubahan tersebut boleh menyebabkan berlakunya tekanan-tekanan emosi yang agak serius. Ini kerana dalam peringkat tersebut, seseorang remaja dikatakan masih tercari-cari identiti baru bagi diri mereka menggantikan identiti asal iaitu sebagai seorang kanak-kanak yang mana semasa proses

pencarian tersebut, mereka kadang-kala mengalami kekeliruan dan konflik sama ada dengan diri sendiri ataupun dengan ibubapa sebagai golongan yang sentiasa mendampingi mereka. Remaja merasakan diri mereka terlalu sukar untuk dimengerti kerana mereka tidak suka dilayani sebagai seorang kanak-kanak kecil tetapi dalam masa yang sama juga mereka tidak pula boleh diiktirafkan sebagai seorang yang telah cukup dewasa.

Justeru itu, ibubapa dalam menangani masalah tersebut, haruslah perihatin dalam membantu anak remaja mereka menjalani peringkat remaja dengan dengan sebaiknya dengan bertindak memberikan kerjasama dalam bentuk emosi ataupun material yang sewajarnya. Mereka juga perlulah memperlengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan yang cukup di samping menunjukkan tauladan yang baik kerana tingkahlaku seseorang anak juga mencerminkan cara didikan ibubapa sendiri.

Permasalahan yang dihadapi oleh golongan remaja tidak seharusnya diambil ringan. Ini kerana remaja merupakan teras kemajuan negara iaitu bakal pemimpin di hari esok Atas kesedaran ini, maka telah terdapat berbagai usaha yang telah dilakukan. Di Amerika Syarikat umpamanya, telah terdapat usaha-usaha yang dijalankan. Antaranya dengan mengesyorkan diadakan pendidikan untuk ibubapa (Parent Education) dengan berberapa matlamat utama. Pengkaji seperti Hamner dan Turner

(1985) telah merumuskan **sebab-sebab** **perlu** diadakan pendidikan seumpama ini seperti **berikut**:

1. Kebanyakan penduduk **sesebuah** **negara** adalah dan akan menjadi ibubapa kelak.
2. Pendidikan berkenaan tugas ibubapa tidak disediakan di rumah ataupun diberi penekanan dalam kebanyakan sistem pendidikan.
3. Garis panduan yang tidak cukup bagi menjadi ibubapa yang berjaya boleh menyebabkan berlakunya kekeliruan dan kebimbangan kepada ibubapa.
4. Tugas sebagai ibubapa yang efektif adalah begitu penting bagi semua aspek perkembangan seseorang anak.
5. Menjadi ibubapa bukanlah mudah.
6. Ibubapa perlu dibantu
7. Terdapat permintaan yang besar agar kaum bapa turut melibatkan diri dalam tugas membesarkan anak.
8. Terdapat banyak metos yang mengelirukan mengenai tugas mendidik ini yang perlu dijelaskan kedudukan yang sebenarnya.

Dalam konteks tempatan pula, walaupun usaha yang telah dijalankan tidak sehebat seperti mana yang dijalankan di negara barat, usaha-usaha yang telah dijalankan tetap ada. Antaranya dengan menganjurkan program-program berbentuk motivasi (seperti ceramah berbentuk keagamaan dan kepimpinan) serta aktiviti-aktiviti riadah dan ko-kurikulum (seperti berpersatuan)

dan sebagainya dengan harapan golongan remaja akan dapat menghindarkan diri masing-masing daripada gejala-gejala yang tidak sihat; contohnya, pengambilan dadah, membuang masa tanpa tujuan, terlibat dalam perbuatan-perbuatan delikuen dan sebagainya.

Sesetengah pengkaji berpendapat perlunya dipupuk nilai-nilai motivasi pencapaian yang tinggi di kalangan remaja bagi menghindarkan mereka dari unsur-unsur yang tidak sihat ini. Pemupukan ini, pula seharusnya dibuat sejak remaja tersebut masih kecil agar mereka sehati dengan nilai-nilai tersebut. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana cara membesarkan anak ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi pencapaian seseorang remaja.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Secara amnya, pengkaji tidak menghadapi masalah yang ketara dari segi perolehan bahan rujukan. Ini kerana telah terdapat ramai pengkaji dari barat dan tempatan yang telah melakukan kajian keatas bidang motivasi pencapaian ini.

Namun begitu dimensi cara membesarkan anak yang digunakan oleh pengkaji bagi tumpuan kajian ini adalah agak berbeza sedikit. Pengkaji mengkaji dari dimensi sifat penyayang dan terlalu mengawal ibubapa dan kaitannya dengan tahap motivasi pencapaian seseorang remaja. Ianya merupakan bidang

yang masih baru kerana masih belum ada lagi pengkaji lain yang mengaitkan dimensi ini dengan pembentukan motivasi pencapaian seseorang individu.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bermatlamat untuk melihat perbezaan jantina di antara remaja perempuan dan remaja lelaki dari segi persepsi mereka terhadap ibubapa. Pengkaji ingin mengkaji adakah remaja perempuan lebih mempersepsikan ibubapa mereka sebagai kurang penyayang dan terlalu mengawal daripada remaja lelaki atau sebaliknya.

Kajian ini juga ingin melihat adakah perbezaan dari segi umur mempengaruhi persepsi mereka terhadap sikap ibubapa. Perbezaan yang ingin dilihat adalah sama ada remaja berumur 13 tahun mempersepsikan ibubapa sebagai lebih penyayang dan kurang mengawal berbanding dengan remaja berumur 16 tahun atau sebaliknya.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan jantina di antara remaja lelaki dan remaja perempuan dari segi tahap motivasi pencapaian mereka. Pengkaji ingin melihat adakah remaja perempuan mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi daripada remaja lelaki ataupun sebaliknya.

Di samping itu, kajian ini juga ingin melihat sama ada terdapat perbezaan dari segi umur di antara remaja berumur 16 tahun dan remaja berumur 13 tahun dalam menentukan tahap motivasi pencapaian mereka.

Tujuan seterusnya iaitu untuk melihat adakah ibubapa bersifat penyayang akan mempunyai anak remaja yang bermotivasi pencapaian yang tinggi.

Akhir sekali, kajian dijalankan untuk melihat adakah ibubapa yang bersifat terlalu mengawal akan memperolehi anak remaja yang bermotivasi rendah.

#### SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat apakah benar remaja perempuan mempersepsikan ibubapa sebagai bersifat kurang penyayang dan terlalu mengawal daripada remaja lelaki. Sekiranya hipotesis ini didapati benar, maka ibubapa haruslah menunjukkan sikap adil dengan membahagikan kasih sayang serta tumpuan secara sama rata dan bukannya dengan membezakan mereka hanya disebabkan mereka berlainan jantina. Tujuannya untuk mengelakkan anak-anak dari mengalami gangguan tekanan emosi. Ini kerana gangguan tersebut boleh mendatangkan kesan yang buruk ke atas pembentukan motivasi mereka.

Seterusnya sekiranya hipotesis kedua didapati benar iaitu remaja berumur 13 lebih mempersepsikan ibubapa mereka sebagai lebih penyayang dan kurang mengawal berbanding dengan remaja yang berumur 16 tahun, maka ibubapa haruslah diberi kesedaran bahawa anak-anak di peringkat usia 16 tahun juga sebenarnya masih lagi memerlukan belaian kasih sayang serta perhatian dari ibubapa sama seperti remaja yang berumur 13 tahun. Ini kerana walaupun dari segi fizikal dan usia, remaja berumur 16 tahun biasanya kelihatan lebih besar dan matang, tetapi di peringkat usia ini juga mereka lebih mudah mengalami gangguan emosi dan konflik diri berbanding dengan remaja yang berumur 13 tahun. Ini menyebabkan juga remaja berumur 16 tahun biasanya lebih mudah terlibat dalam perselisihan pendapat dengan ibubapa. Ibubapa pula selaku ketua di dalam sesebuah keluarga, haruslah memahami masalah yang sedang anak remaja mereka lalui dengan memberikan sokongan emosi dan moral; dan bukannya dengan mengabaikan mereka dari segi pembahagian kasih sayang.

Selain itu, sekiranya hipotesis ketiga didapati benar iaitu remaja perempuan mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi daripada remaja lelaki, maka dakwaan ramai pihak yang mengatakan remaja perempuan tidak dapat menandingi remaja lelaki hanya semata-mata kerana mereka berbeza dari segi jantina dan biologi ini akan dapat dilenyapkan.

Kajian ini juga dijalankan sebagai cara untuk melihat sejauh mana hipotesis keempat iaitu remaja berumur 16 tahun mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi daripada remaja berumur 13 tahun dapat dibuktikan kebenarannya. Seandainya hipotesis ini benar, maka ibubapa dan juga pihak kerajaan haruslah mengadakan lebih banyak lagi program-program serta latihan-latihan tertentu (seperti yang bercorak kepimpinan dan motivasi) bagi meningkatkan lagi motivasi pencapaian di kalangan remaja berumur 13 tahun supaya mereka tidak jauh tertinggal di belakang remaja yang berumur 16 tahun. Ibubapa juga haruslah mengkaji semula corak layanan yang telah diberikan selama ini, iaitu adakah remaja berumur 13 tahun kurang didedahkan kepada nilai-nilai pembentukan motivasi yang tinggi ataupun terdapat sebab-sebab lain yang mempengaruhinya.

Di samping itu, seandainya hipotesis kelima iaitu cara ibubapa membesarkan anak secara penyayang akan membawa kepada motivasi pencapaian yang tinggi didapati benar, maka usaha kerajaan selama ini mengadakan kempen-kempen seperti 'Ke Arah Masyarakat Penyayang', 'Keluarga Bahagia' dan 'Rumahku Syurgaku' ternyata telah mula menampakkan keberkesanannya.

Mengenai hipotesis terakhir iaitu cara ibubapa membesarkan anak secara terlalu mengawal akan membawa kepada motivasi pencapaian yang rendah, sekiranya didapati

benar, maka langkah-langkah sewajarnya perlulah dilakukan. Antaranya seperti menerbitkan risalah-risalah yang menerangkan tentang kelemahan membesarkan anak secara terlalu mengawal ataupun menawarkan sudut kaunseling menerusi talian telefon bagi membantu ibubapa yang menghadapi sebarang kemusykilan tentang corak penjagaan anak yang betul

Secara umum pula, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana cara membesarkan anak mempunyai perhubungan yang signifikan dengan motivasi pencapaian. Penemuan-penemuan di dalam kajian ini kelak mungkin dapat membantu ibubapa dalam mendidik anak-anak. Ini kerana cara anak-anak dibesarkan sedikit sebanyak akan mempengaruhi cara hidup mereka di kemudian hari.

Dalam konteks Malaysia, remaja kita sering didakwa mempunyai motivasi pencapaian yang rendah berbanding dengan remaja Barat. Justeru itu, kajian ini ingin mengetahui sejauh mana benarnya kenyataan tersebut. Seandainya benar, maka remaja kita perlulah berusaha mengubah sikap serta mentaliti mereka supaya mereka tidak lagi dipandang remeh oleh masyarakat luar.

Selain itu, sejajar dengan perkembangan ekonomi yang semakin pesat ini, permintaan yang tinggi terhadap tenaga buruh yang cekap serta bermotivasi juga turut meningkat. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran tentang tahap

motivasi para remaja. Sekiranya keputusan kajian menunjukkan rata-rata mereka berada di dalam tahap yang rendah, maka ibubapa, pihak swasta serta kerajaan perlulah bertindak segera. Ini kerana golongan remaja merupakan bakal pemimpin yang akan mengambil alih pucuk kepimpinan dari pemimpin sekarang dan negara akan menjadi kucar kacir sekiranya mereka gagal menunjukkan sikap kepimpinan yang cemerlang. Antara tindakan yang dapat diambil adalah seperti mengkaji semula cara anak-anak dibesarkan serta bagi peringkat negara pula, dengan melancarkan program-program yang bercorak motivasi seperti bengkel kepimpinan, bengkel usahawan, bengkel bina semangat dan sebagainya.

Selain itu, penemuan-penemuan di dalam kajian ini diharapkan dapat membantu kerajaan, badan-badan swasta serta ibubapa memahami tingkahlaku serta emosi golongan remaja dan semoga dengan terbentuknya sikap saling memahami ini akan dapat membina perhubungan yang akrab di antara semua pihak.

Kajian ini juga dirasakan bersesuaian dengan wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri kita dalam usaha kerajaan untuk melahirkan golongan belia yang cemerlang dan serba boleh sebagai persiapan negara untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara perindustrian yang maju dan sejajar dengan wawasan tersebut, maka adalah penting agar golongan remaja ini dapat dibentuk dengan ciri-ciri motivasi yang tinggi. Oleh itu, kajian ini penting kerana secara umum, ia dapat

memberi maklumat tentang tahap motivasi pencapaian golongan remaja.

Secara kesimpulan dapatlah dikatakan kajian ini merupakan kajian yang bersifat serampang dua mata, iaitu bagi memperlihatkan sejauh mana terdapatnya hubungan di antara cara membesarkan anak dengan motivasi pencapaian remaja dan juga sebagai sumbangan kepada semua anggota masyarakat dalam mengenalpasti cara terbaik mendidik anak-anak.

## KAJIAN LEPAS

### Kajian Barat: Cara Membesarkan anak

Dinkmeyer (1973) berpendapat membesarkan anak bukanlah semudah seseorang memperoleh lesen. Tugas membesarkan anak ini menjadi semakin kompleks selaras dengan perubahan sosial yang berlaku pada hari ini. Oleh yang demikian, ibubapa tidak dapat menggelakkan diri selain dari terus berusaha untuk menjadi pengasuh yang baik. Beliau juga berpendapat bahawa membesarkan anak secara autoritarian tidak lagi sesuai diamalkan dalam konteks masyarakat yang ada pada hari ini. Manakala penjagaan secara permisif pula hanya akan mendatangkan keburukan kepada anak dan malah ibubapa sendiri. Ini kerana pendekatan cara permisif boleh mengakibatkan hilangnya rasa hormat anak-anak terhadap ibubapa. Ia juga dikatakan memberi kesan yang negatif kepada motivasi pencapaian anak tersebut.

Seligman (1975) mencadangkan ibubapa yang terlalu mengawal, tidak mengalakkan sikap berdikari serta selalu melayan anak-anak seperti kanak-kanak kecil akan mendorong anak tersebut menjadi individu yang suka bergantung kepada orang lain.

Levine (1966) pula dalam kajiannya di Nigeria, mendapati kanak-kanak yang dididik dengan latihan berdikari dan pengawalan yang baik dari ibubapa cenderung untuk

menunjukkan kejayaan di dalam sesuatu bidang, manakala amalan didikan yang berbentuk lebih tunduk kepada kemahuan kanak-kanak pula menyebabkan kanak-kanak tersebut suka bergantung kepada orang lain. Dengan kata lain, amalan ini menghalang kanak-kanak dari membentuk motivasi pencapaian yang tinggi.

Winterbottom (1958) dalam mengkaji hubungan latihan berdikari dan autoriti yang diberikan oleh ibubapa dengan tahap motivasi pencapaian anak-anak lelaki di sebuah masyarakat di Barat Tengah Amerika Syarikat mendapati ibu-ibu yang mempunyai anak yang bermotivasi tinggi selalunya berkehendakkan anak mereka bebas dan mampu menguasai sesuatu kemahiran semasa anak-anak masih kecil lagi. Contohnya di peringkat usia 7 tahun sudah tahu selok-belok jalan-jalan dalam kota, mencuba perkara-perkara baru dan susah dengan sendiri, aktif dan bertenaga, memilih rakan-rakan sendiri, berjaya di dalam sesuatu peraduan dan sebagainya. Di samping itu, ibu-ibu dari anak yang bermotivasi pencapaian tinggi ini juga tidak suka mengenakan tegahan yang berlebih-lebihan ke atas perlakuan anak-anak dan jika adapun, kerana mereka menganggapkan yang perkara tersebut sepatutnya telah dikuasai sejak anaknya masih kecil lagi. Keadaan ini ternyata berbeza dengan ibu-ibu yang mempunyai anak bermotivasi pencapaian rendah di mana mereka menjangkakan semua kemahiran yang terdapat pada diri anak-anak yang tinggi motivasinya dikuasai oleh anak mereka pada tahap umur yang lebih tinggi. Ibu yang

mempunyai anak-anak bermotivasi pencapaian rendah juga lebih bersifat menyekat dan tidak menggalakkan anak mereka untuk berdikari sendiri. Oleh itu, anak-anak tadi akan kekal mengamalkan sikap suka bergantung kepada keluarga.

Dari segi amalan pemakanan, Birch, Guscow, Scimshaw dan Gordon dalam Twardose, Micheal dan Risley, (1975) mendapati pemakanan yang sihat dapat membantu pertumbuhan rohani dan jasmani yang sihat. Oleh itu kekurangan makanan dari segi kualiti dan kuantiti bukan sahaja menyebabkan kerosakan fungsi jangka panjang tetapi juga akan menerbitkan tingkahlaku yang boleh menjejaskan proses pembelajaran (contohnya seperti kecenderungan menyisihkan diri, kurangnya daya usaha serta mudah merasa marah). Di samping itu, jadual makanan dan peraturan yang betul juga perlu dititikberatkan kerana pemakanan yang seimbang dapat membentuk seseorang untuk memperkembangkan kebolehan diri dan pengawalan emosi yang stabil.

Kajian yang dijalankan oleh McClelland dan Pilon (1983), mendapati ibubapa yang meletakkan anak-anak dalam jadual makan tersusun, mengenakan mereka latihan ke tandas di peringkat umur masih kecil lagi (early toilet training), dan mewajibkan mereka bersikap kemas yang tinggi akan cenderung menghasilkan anak-anak yang bermotivasi tinggi. Ini kerana tuntutan-tuntutan awal ini akan melahirkan suatu perasaan autoriti dalam diri kanak-kanak tersebut. Di samping itu, ibubapa

dari kalangan kanak-kanak yang bermotivasi tinggi juga cenderung untuk membentuk persekitaran yang tegas tetapi juga permisif. Dalam jenis persekitaran ini anak-anak akan diberi batas-batas tertentu sahaja tetapi dalam batas-batas tersebut, mereka masih lagi mempunyai peluang-peluang untuk membuat pilihan sendiri. Keadaan akan membolehkan anak mengembangkan perasaan autoriti tanpa merasa tertekan oleh kebebasan yang terhad tadi. Terlalu banyak kebebasan pula dikatakan boleh menyebabkan mereka merasa bimbang dan tidak terjamin (*insecured*) yang mana keadaan boleh menjejaskan sifat-sifat autoriti yang juga secara tidak langsung turut mempengaruhi pembentukan motivasi mereka.

Sementara itu, Steinberg, Elmen dan Mount (1989) mengatakan sikap autoritatif ibubapa akan menyumbangkan ke arah perkembangan psikososial anak-anak yang mana kemudiannya akan memudahkan anak-anak memperolehi kejayaan di sekolah. Terdapat tiga komponen utama dalam sifat autoritatif ini yang dikatakan dapat menyumbangkan ke arah perkembangan psikologi yang sihat serta kejayaan di bidang akademik semasa anak-anak meningkat remaja. Komponen-komponen tersebut adalah penerimaan serta sifat ramah ibubapa, kawalan dan ketegasan dari segi tingkahlaku serta sokongan otonomi secara psikologi yang diberikan oleh ibubapa.

Kajian yang dijalankan oleh Farrington (1987), Kazdin (1987), Patterson, Reid & Dishion (1992), dan Rutter & Giller

(1983) mendapati amalan ibubapa yang bercorak tidak menentu dan terlalu menghukum ternyata mempunyai pengaruh yang besar dalam menggalakkan pembentukan kecelaruan tingkahlaku di kalangan anak-anak.

Ramai pengkaji bahawa biasanya ibubapa yang mengamalkan corak autoritatif dalam bentuk kombinasi antara penyayang dan kawalan yang tinggi selalunya dikaitkan dengan anak yang mempunyai ciri-ciri positif ( Baumrind (1991) dan Dornbusch, Ritter, Leiderman, Roberts dan Fraleigh (1987)).

Pendapat tersebut juga dipersetujui oleh Baumrind (1991), Dornbusch (1987) dan Steinberg (1989) yang mengatakan ibubapa autoritatif mendorong anak-anak berjaya di dalam pelajaran mereka dengan mudah, sementara ibubapa authoritarian dan permisif pula akan menghalang mereka dari memperolehi kejayaan.

#### Kajian tempatan : Cara membesarkan anak

Terdapat banyak kajian lepas yang dijalankan mengenai cara membesarkan anak ini. Antaranya seperti pengkaji-pengkaji berikut:

Loh (1973) dalam Wee (1988) yang menjalankan kajian ke atas keluarga Cina bandar dalam melihat amalan mereka membesarkan anak di Hospital Assunta. Beliau mendapati

peranan yang dimainkan oleh ibu dan datuk dalam membesarkan anak adalah lebih penting daripada peranan yang dimainkan oleh bapa. Bapa dikatakan kurang mengambil bahagian di dalam peranan ini kerana sentiasa sibuk dengan tugas harian dan oleh itu tidak mempunyai masa untuk anak-anaknya selepas bekerja disebabkan terlalu letih. Beliau juga mendapati kebanyakan kanak-kanak patuh terhadap arahan-arahan yang diberikan oleh ibu mereka. Penggunaan rotan adalah biasa di kalangan ibu-ibu tersebut dengan tujuan untuk mendenda dan mendisiplinkan anak-anak.

Haton (1981) pula melihat amalan didikan kanak-kanak, cara belajar dan motivasi terhadap akademik pelajar-pelajar di sesebuah institusi pengajian tinggi dan mendapati tidak terdapat hubungan di antara pembolehubah pencapaian akademik mereka, cara belajar dengan tahap motivasi masing-masing.

Wee (1988) dalam kajiannya yang dibuat secara perbandingan ke atas komuniti Cina Peranakan, Cina Bandar dan Melayu di Kelantan mendapati sememangnya terdapat perbezaan yang signifikan di antara remaja lelaki dan remaja perempuan bagi setiap komuniti tersebut. Kajian beliau mendapati pada keseluruhannya remaja perempuan mempunyai tahap motivasi pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan remaja lelaki. Di samping itu, beliau juga memperolehi keputusan yang signifikan dalam melihat perbezaan tahap motivasi pencapaian di antara remaja yang berumur 17 tahun dengan remaja yang berumur 16

tahun. Beliau mendapati remaja yang berumur 17 tahun mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi daripada remaja yang berumur 16 tahun. Ini bermakna faktor umur berperanan dalam menentukan tahap motivasi seseorang.

Vathsala (1988) mengatakan sikap ibubapa terhadap anak-anak terdiri daripada beberapa bentuk. Secara umumnya ialah sifat terlalu mengawal, permisif, memanjakan, penolakan, pemeriksaan dan dominan yang mana kesemuanya akan melahirkan anak-anak yang berlainan personaliti serta tahap motivasi pencapaiannya.

Secara kesimpulannya, cara membesarkan anak merupakan suatu proses sosialisasi iaitu sebagai proses pembinaan nilai kumpulan ke dalam diri seseorang individu (Selznick, 1985). Maksudnya, iaitu suatu proses di mana kanak-kanak didedahkan dengan komponen-komponen yang terkandung dalam sesebuah budaya dan dalam proses tersebut, seseorang akan memperolehi satu bentuk personaliti, nilai serta matlamat hidup.

#### Kajian mengenai motivasi pencapaian :Kajian Barat

McClelland (1985) merupakan salah seorang pengkaji yang telah banyak menyumbang idea mengenai motivasi pencapaian. Beliau berpendapat idea mengenai motivasi pencapaian ini telah lama wujud iaitu sejak zaman dahulu lagi. Buktinya dapat dilihat pada gaya penceritaan dari cerita-cerita dongeng yang dikatakan

mengandung unsur-unsur nasihat serta galakan untuk berjaya dalam hidup yang selalu dijadikan bahan penceritaan kepada masyarakat tersebut. Contohnya di kalangan masyarakat Greek Purba (900-475 S.M.) yang telah melalui zaman kecemerlangan di bidang perdagangan. Kejayaan masyarakat tersebut dikatakan banyak dipengaruhi oleh penulisan-penulisan yang dikarang oleh ahli-ahli pemikir yang terkemuka pada zaman itu, contohnya seperti Hesiod, Xenophone dan Aristotle yang begitu banyak membincangkan mengenai bidang falsafah. Kemerostan (362-100 S.M) yang berlaku selepas itu pula dikaitkan dengan kemunculan amalan perhambaan yang berleluasa di kalangan kanak-kanak serta golongan dewasa. Amalan perhambaan ini dikatakan telah menyebabkan kemerostan ekonomi masyarakat Greek kerana generasi muda yang dibesarkan dengan bantuan khidmat hamba tersebut biasanya tidak didedahkan dengan sikap berdikari semasa kecil dan ini boleh menjejaskan perkembangan motivasi pencapaian mereka apabila dewasa kelak.

Weiner dan Kukla (1970) berpendapat bahawa orang bermotivasi tinggi mempersepsikan kejayaan disebabkan oleh kebolehan dan usaha, sementara kegagalan pula kerana kurang berusaha. Orang yang rendah motivasinya pula mempersepsikan kejayaan sebagai disebabkan oleh kesulitan dalam melakukan sesuatu tugas atau nasib dan kegagalan pula sebagai kurang berusaha. Penemuan ini mungkin sukar difahami secara sepintas lalu. Bagaimanapun ia mudah difahami sekiranya kita membuat tanggapan bahawa orang-orang tinggi motivasi pencapaiannya

selalu melihat diri mereka sebagai **seorang yang** berkebolehan tinggi manakala mereka yang **rendah motivasi** pencapaiannya merasa diri mereka sebagai kurang **berkebolehan** (Weiner dan Potepan,1970).

Erikson (1986) yang telah menjalankan kajian di kalangan beberapa kumpulan etnik pelajar di sekolah-sekolah, menjelaskan kebanyakan pelajar yang memperolehi pencapaian sama ada yang rendah ataupun secara sederhana adalah datang dari keluarga yang berpendapatan rendah iaitu yang mempunyai taraf sosio-ekonomi yang rendah. Dengan kata lain, anak-anak memperolehi pencapaian yang tidak memuaskan kerana ibubapa tidak mampu menjadi sumber intelek yang baik bagi membantu anak-anak mereka memperolehi kejayaan yang cemerlang di sekolah.

Secara kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa motivasi pencapaian merupakan keinginan untuk mencapai sesuatu dan dalam usaha pencapaian ini, terdapat juga kecenderungan untuk mengatasi halangan-halangan yang ada. Di samping itu juga, motivasi ini juga digerakkan oleh keinginan-keinginan untuk menggunakan kuasa bagi membuat sesuatu yang sukar tanpa melengah-lengahkannya.

### Kajian Tempatan

Wan Rafaei (1972) merupakan salah seorang pengkaji tempatan yang aktif mengkaji perhubungan di antara cara membesarkan anak dengan motivasi pencapaian. Antara kajian yang pernah dijalankan oleh beliau ialah kajian yang berbentuk perbandingan motivasi pencapaian di antara pelajar-pelajar menengah Australia dengan pelajar-pelajar Melayu Malaysia dan keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa murid-murid Australia mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan murid-murid Melayu.

Iran Herman (1974) pula melihat kesan dan pengaruh kesan sosial terhadap motivasi pelajar-pelajar Melayu dan Cina dari kawasan luar bandar dan bandar. Hasil kajiannya mendapati pelajar-pelajar kelas pertengahan mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar kelas bawahan. Beliau juga mendapati pelajar-pelajar Melayu mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar Cina bagi kedua-dua kelas menengah dan bawahan di bandar.

### Konsep Motivasi Pencapaian

Motivasi berasal dari perkataan Latin iaitu 'movere' yang bermaksud 'to move' (bergerak). Dari segi penggunaan bahasa pula ia dikaitkan dengan suatu proses pergerakan yang biasanya merujuk kepada sesuatu tingkahlaku.

Murray (1968) mencadangkan **motivasi pencapaian** dapat difahami sebagai kepercayaan **kepada diri sendiri**, suka bertanggungjawab secara perseorangan, **menyukai** pengetahuan yang konkrit berhubung dengan hasil kerja mereka. Selain itu ciri-ciri seseorang yang bermotivasi pencapaian yang tinggi itu adalah cergas dalam menjalankan pekerjaannya, tidak mudah dipengaruhi oleh tekanan dari masyarakat luar. Golongan ini juga menyukai kepada bahaya yang sederhana dalam keadaan-keadaan yang bergantung kepada kebolehan mereka sendiri tetapi bukannya datang dari nasib semata-mata.

Vernon (1969) pula mengaitkan individu yang bermotivasi pencapaian tinggi sebagai seorang yang suka kepada tugas-tugas yang memerlukan inisiatif secara peribadi dan inventif iaitu sesuatu yang sukar, mencabar daripada jaminan untuk berjaya. Individu ini juga sanggup menanggung ganjaran yang berbentuk segera bagi memperolehi kejayaan yang lebih besar serta mengambil risiko yang sederhana untuk melakukan perkara ini. Selain itu, mereka juga selalu cuba untuk memperbaiki hasil pekerjaan mereka dari masa ke semasa dan tidak begitu terpengaruh dengan ganjaran yang berbentuk wang. Kegagalan pula dilihat sebagai sesuatu yang dapat memberi perangsang bagi memperbaiki kelemahan yang ada. Seseorang yang bermotivasi tinggi juga melakukan sesuatu pekerjaan secara individu dan dalam memilih seorang rakan sekerja, lebih suka memilih pekerja

yang cekap walaupun mereka tidak suka kepada rakan sekerja masing-masing.

## HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan kajian-kajian lepas serta permasalahan-permasalahan yang telah dikemukakan, beberapa bentuk hipotesis telah dibentuk:

1. Remaja perempuan mempersepsikan ibubapa sebagai bersifat kurang penyayang dan terlalu mengawal berbanding dengan remaja lelaki.
2. Remaja berumur 13 tahun mempersepsikan ibubapa mereka sebagai lebih penyayang dan kurang mengawal berbanding dengan remaja yang berumur 16 tahun.
3. Remaja perempuan mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi daripada remaja lelaki.
4. Remaja berumur 16 tahun mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi daripada remaja berumur 13 tahun.
5. Sifat penyayang ibubapa akan membawa kepada motivasi pencapaian yang tinggi.

6. Sifat terlalu mengawal ibubapa akan membawa kepada motivasi pencapaian yang rendah.

University of Malaya

## BAB 2

### METOD

#### Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang metod kajian yang merangkumi aspek-aspek seperti rekabentuk kajian, tempat kajian dan pemilihan responden, alat ukuran kajian, cara kajian ditadbirkan, masalah yang dihadapi semasa kajian serta cara menganalisa data.

#### Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian luar yang dijalankan di beberapa buah sekolah di sekitar kawasan Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Selangor.

Pada awalnya, sebanyak 200 set borang kajiselidik telah diedarkan kepada pelajar-pelajar sekolah. Bagaimanapun selepas pemeriksaan keatas borang yang telah dikembalikan, sebanyak 50 set borang terpaksa diketepikan. Ini kerana didapati seramai 47 orang responden bersikap lalai sewaktu memberikan jawapan mereka manakala 3 orang responden yang lain disebabkan umur mereka melebihi takat umur yang telah ditetapkan.

### Tempat Kajian dan Responden

Terdapat empat buah sekolah menengah kerajaan yang telah mengambil bahagian dalam ujian kajiselidik ini. Sekolah-sekolah berkenaan adalah Sekolah Menengah Damansara Utama, Sekolah Menengah (P) Sri Aman, Sekolah Menengah (L) Sultan Abdul Samad dan Sekolah Menengah Pandamaran Jaya. Keempat-empat buah sekolah berkenaan telah dipilih bagi memperolehi bilangan pelajar lelaki dan perempuan secara seimbang.

Pemilihan responden telah dibuat secara rambang. Mereka ini adalah terdiri dari pelajar-pelajar Tingkatan 1 dan 4. Ini bermakna tahap umur yang diperolehi adalah dalam lingkungan antara 13 tahun dan 16 tahun.

Secara khusus, taburan responden menurut kategori jantina dapat diperlihatkan seperti di jadual 2.1.

### **JADUAL 2.1**

#### Bilangan responden mengikut jantina

Jantina	Bilangan (org)
Lelaki	68
Perempuan	82
Jumlah	150

Berdasarkan kategori jantina responden menurut umur pula, gambarannya adalah seperti di dalam Jadual 2.2.

## JADUAL 2.2

### Jantina responden menurut umur

Umur(tahun)	Lelaki	Perempuan	Jumlah (org)
13	35	35	70
16	33	47	80

Jadual 2.2 menunjukkan terdapat seramai 33 orang pelajar lelaki dan 47 orang pelajar perempuan yang berada dalam lingkungan umur 16 tahun manakala responden yang berumur 13 tahun pula terdiri dari seramai 35 orang lelaki dan 35 orang perempuan.

### Alat Ukuran

Soalselidik telah dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian-bahagian tersebut adalah bahagian A,B,C dan D.

Bahagian A meliputi latarbelakang responden secara ringkas. Contohnya, hobi, matapelajaran yang diminati dan pekerjaan ibubapa mereka. Bahagian ini mengandungi 14 soalan. Bahagian B pula adalah berkaitan dengan Skil Motivasi

Pencapaian Mehrabian (MAS). Skil ini pula mengandungi 26 bentuk soalan. Manakala bahagian C adalah terdiri dari Skil Motivasi Pencapaian Smith (SAS) dan terdapat 17 bentuk soalan di dalamnya. Akhir sekali iaitu bahagian D yang dikenali sebagai The Parental Bonding Instrument (PBI). Skil ini digunakan dengan tujuan untuk mengukur pandangan seseorang responden terhadap ibubapa mereka. Terdapat 25 soalan di dalamnya.

#### Alat Ukuran Motivasi Pencapaian Mehrabian Achievement Scale (1969)

Skil ini telah dikemukakan buat pertama kalinya dalam tahun 1968 oleh Albert Mehrabian dan terdapat 34 item kesemuanya. Bagaimanapun, setahun kemudian, Mehrabian telah membuat beberapa pengubahsuaian ke atas skil ini dan mengekalkannya menjadi 26 item sahaja.

Skil ini dianggap unik kerana ia telah disusun mengikut kategori lelaki dan kategori perempuan. Ini dilakukan bagi menyesuaikan item-item dengan ciri-ciri personaliti golongan perempuan yang lebih bersifat kewanitaan manakala bagi golongan lelaki pula iaitu kelakian.

Dari segi strukturnya, skil ini dibentuk berdasarkan beberapa faktor. Faktor-faktor bagi skil lelaki adalah:

1. Harapan terhadap kejayaan
2. Takut kepada kegagalan

3. Kecenderungan untuk berjaya dalam tugas-tugas yang bersifat intelek dan

4. Kecenderungan berdasarkan situasi orientasi kejayaan.

Faktor-faktor bagi skil perempuan pula adalah seperti berikut:

1. Haarapan kepada kejayaan

2. Takut kepada kegagalan

3. Pendekatan bersifat hedonistik kepada kehidupan di mana keseronokan dimaksimakan dan

4. Pengantungan dalam aktiviti-aktiviti tradisi yang bersifat kewanitaan.

Secara perbandingan, kedua-dua versi skil ini mempunyai persamaan dari segi faktor pertama dan faktor kedua sahaja (Latta, 1978).

Skil ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia supaya dapat digunakan dalam konteks tempatan. Pengkaji telah mengambil terjemahan yang telah di buat oleh Wan Rafaei (1972). Namun begitu, terdapat beberapa pindaan kecil yang telah dilakukan. Pengkaji telah mengikuti pengubahsuaian yang telah dibuat oleh Wan Rafaei (1972) iaitu dari segi item nombor 1 di mana beliau telah menggantikan perkataan 'grade' dengan perkataan 'markah'. Seterusnya, bagi item nombor 18, pengubahsuaian telah dilakukan menurut Chan (1986), iaitu pengkaji telah menggantikan takat gaji sebanyak RM 10,000 dan RM 5,000 masing-masing kepada RM 12,000 dan RM 6,000.

Pengubahsuaian ini dirasakan perpatutan, **sejajar dengan** taraf kemajuan ekonomi Malaysia yang semakin **pesat kebelakangan** ini berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. **Selain itu**, pengkaji juga telah membuang perkataan 'terup' pada **item 12** bagi skil ini sebagai menurut langkah yang telah dilakukan oleh Suriyati(1989) di atas permintaan Kementerian Pelajaran kerana dikatakan tidak bersesuaian dengan agama rasmi negara ini.

Item-item dalam skil ini boleh dibahagi kepada dua bentuk, iaitu bentuk positif dan bentuk negatif yang sama banyak bilangannya. Pembahagian item tersebut adalah seperti berikut:

	Positif	Negatif
Lelaki	2,3,5,7,8,10,14 16,17,20,22,24,25	1,4,6,9,11,12,13, 15,18,19,21,23,26
Perempuan	1,3,5,7,9,11,13 15,17,19,21,23,25	2,4,6,8,10,12,14, 16,18,20,22,24,26

Item-item dalam skil ini dibentuk berdasarkan model motivasi pencapaian yang dikemukakan oleh Atkinson (1964). Model ini menetapkan ciri-ciri individu yang bermotivasi pencapaian tinggi sebagai individu yang mempunyai kecenderungan yang lebih kuat untuk mencapai kejayaan dari kecenderungan mengelak dari kegagalan. Sebaliknya, individu yang rendah motivasi pencapaiannya dicirikan sebagai individu

yang memperlihatkan keazaman ingin menggelak dari kegagalan lebih dari mencapai kejayaan ialah seperti berikut :

'Saya lebih menyukai sebuah buku karangan yang baik dan penuh dengan penerangan daripada wayang gambar yang baik'

Item yang menggambarkan kecenderungan bagi menggelak kegagalan yang lebih tinggi ialah seperti :

'Saya lebih memikirkan tentang mendapatkan markah yang baik daripada risau mendapat markah yang baik'

Item-item dalam skil MAS ini mudah dijawab oleh responden kerana setiap jawapan telah ditentukan. Responden cuma perlu memberikan pemeringkatan tiap-tiap item berdasarkan darjah persetujuan dan tidak setuju mereka terhadap item-item tersebut.

### Cara Permarkahan

Pengkaji tidak mengikuti cara permarkahan yang telah ditetapkan oleh Mehrabian (1969). Sebaliknya, pengkaji telah menukarkan skor-skor dari -4 hingga +4 kepada 0 dan 8 masing-masing. Pengubahsuaian tersebut dapat dijelaskan seperti berikut:

Skor asal	Setelah diubahsuai
+4	8
+3	7
+2	6
+1	5
0	4
-1	3
-2	2
-3	1
-4	0

Pengubahsuaian ini dilakukan bagi memudahkan proses pengkodan dan analisis komputer.

Selain itu, jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden diberi permarkahan mengikut jenis item (sama ada negatif atau positif). Jika jawapan yang diberikan adalah positif pada item yang berbentuk negatif, maka arah markah menjadi negatif. Cara yang sebaliknya juga dilakukan pada item-item positif yang diberi jawapan dalam bentuk negatif. Sebaliknya, jawapan-jawapan positif yang diberikan kepada item-item positif, markah tersebut dikekalkan tanpa diterbalikkan. Jawapan-jawapan berbentuk positif dan negatif ini kemudiannya dicampurkan bagi mendapatkan jumlah skor yang sebenar.

Smith Achievement Scale(1973)

Skil ini mengandungi 17 item kesemuanya. Item-item ini dapat dibahagikan kepada dua sub-skil iaitu skil pencapaian dan skil lalai. Item-item yang berkaitan dengan skil pencapaian dan skil lalai adalah seperti berikut:

Skil lalai	Skil pencapaian
1,2,3,6,7,10,dan 11	4,5,8,9,12,13,14,15,16 dan 17

Dalam skil pencapaian, jawapan terdiri dari dua bentuk iaitu jawapan `BENAR' dan jawapan `SALAH'. Item-item tersebut adalah seperti berikut:

Jawapan `BENAR'	Jawapan `SALAH'
9,13 dan 15	4,5, 8,12,14,16 dan 17

Bagi setiap jawapan yang betul, responden akan diberi satu (1) markah dan angka sifar (0) bagi jawapan yang tidak tepat. Markah penuh bagi skil ini ialah 10.

Berkenaan skil lalai pula, jawapan `BENAR' dan `SALAH' dapat dilihat seperti berikut:

Jawapan `BENAR'	Jawapan `SALAH'
2,3,6,7,10,dan 11	1

Setiap jawapan yang betul, satu (1) **markah akan** diberikan dan sebaliknya sifar (0) bagi jawapan yang **tidak tepat**. Markah penuh bagi skil ini ialah 7.

Responden yang mendapat kurang dari 5 markah dalam skil lalai ini akan dikeluarkan data mereka kerana mereka dianggap lalai.

Skil ini agak popular digunakan bersama-sama Skil Ukuran Mehrabian (MAS) bagi tujuan pengukuran takat motivasi pencapaian di samping membuat perbandingan dari segi reliabiliti di antara keduanya. Dari segi reliabilitinya, ternyata kedua-dua skil ukuran ini tidak jauh berbeza dari segi keputusan yang diperolehi. Namun begitu, bagi tujuan kajian ini, pengkaji cuma menggunakan skil SAS ini bagi membantu mengesan responden yang lalai supaya data mereka dapat dikeluarkan. Item skil SAS ini tidak digunakan secara keseluruhan kerana pengkaji berpendapat item yang terkandung dalam skil MAS sudah mencukupi untuk meliputi aspek-aspek penting yang perlu dikaji dalam motivasi pencapaian secara terperinci.

#### The Parental Bonding Instrument (PBI), Parker et. al, 1978

Skil PBI ini telah direka oleh Parker, Tupling dan Brown (1978) untuk mengkaji persepsi anak terhadap ibubapa dan dalam masa yang sama, mengetahui cara ibubapa melayani anak

mereka sama ada dengan sifat penyayang ataupun terlalu mengawal.

Terdapat 25 soalan yang perlu dijawab oleh responden. Skil ini dapat dibahagikan kepada dua bentuk; bentuk positif dan bentuk negatif. Item-item tersebut adalah seperti berikut:

Item-item berbentuk positif	Item-item berbentuk negatif
1,2,4,5,6,11,12,14,16,17,18, 24	3,7,8,9,10,13,15,19,20,21,22,23, 25

Contoh item yang berbentuk 'Penyayang' adalah seperti berikut:

'Bercakap dengan saya dengan nada yang mesra dan ramah'

Contoh item yang berbentuk 'Terlalu Mengawal':

'Cuba mengawal apa yang saya buat'

Skil ini mudah dijawab kerana responden hanya perlu menandakan ruang-ruang yang telah tersedia dengan angka-angka yang bersesuaian dengan pendapat mereka.

### Cara Permarkahan

Cara pemberian markah adalah seperti berikut :

- 4 - Sangat Selalu
- 3 - Selalu
- 2 - Kadang-kadang
- 1 - jarang-jarang Sekali

### Cara mentadbir kajian

Langkah pertama yang telah pengkaji lakukan sebelum dapat menjalankan kajian ini ialah memohon kebenaran dari pihak Kementerian Pendidikan. Setelah kebenaran ini diperolehi, pengkaji telah membawa surat kelulusan ini untuk mendapatkan pula kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor bagi membolehkan pengkaji menjalankan kajian di sekolah-sekolah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Setelah kedua-dua kebenaran ini diperolehi, barulah kajian dapat dijalankan dan pengkaji telah pergi ke beberapa buah sekolah untuk mengedarkan borang kajiselidik.

Pengkaji turut meminta pertolongan dari pihak tertentu untuk menolong mengedarkan borang kajiselidik sebanyak 100 keping.

### Masalah semasa menjalankan kajian

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian ini. Antaranya, pengkaji telah membuat kesilapan kerana lewat mengemukakan surat kebenaran kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana menyangkakan kebenaran dapat diperolehi dengan segera. Oleh itu, pengkaji terpaksa menunggu hampir sebulan lamanya sebelum permohonan

diluluskan. Ini mengakibatkan masa **terbuang begitu sahaja**. Pengkaji tidak dapat memulakan kajian **kerana kedua-dua** surat pengesahan dari pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor perlu dikemukakan kepada pihak sekolah terlebih dahulu sebelum pengkaji dibenarkan membuat kajian di sekolah berkenaan. Tanpa surat pengesahan ini, pihak sekolah biasanya tidak akan membenarkan kajian dibuat di sekolah tersebut.

Masalah seterusnya yang dihadapi oleh pengkaji ialah pihak sekolah biasanya tidak membenarkan pengkaji mengendalikan sendiri sesi semasa pelajar-pelajar menjawab soalan dari borang kajiselidik. Alasan yang diterima biasanya supaya para pelajar tidak diganggu semasa sedang mengikuti pelajaran di kelas dan supaya pengkaji tidak perlu menunggu begitu lama. Cara ini ternyata mempunyai kelemahannya kerana pengkaji tidak melihat sendiri sejauh mana para pelajar memahami serta memberi respon kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Para pelajar juga tidak berpeluang untuk memperolehi penjelasan secara terperinci apabila menghadapi kemusykilan mengenai soalan-soalan tertentu. Ekoran dari itu, sebanyak 47 borang kajiselidik tidak dijawab dengan lengkap.

Selain itu, pengkaji terpaksa berulang beberapa kali ke sekolah berkenaan untuk mendapatkan kembali borang kajiselidik yang telah berjawab dan masalah timbul apabila pengkaji berada di situ, mendapati pihak yang seharusnya

menyerahkan kembali borang-borang tersebut tidak dapat ditemui kerana sedang mengendalikan tugas-tugas penting. Ini menyebabkan pengkaji terpaksa menunggu lebih lama lagi.

### Analisa Data

Data kajian ini telah dianalisa dengan menggunakan kaedah analisis ANOVA dua hala dalam mengkaji perbezaan antara dua angkubah (seperti umur dan jantina) bagi hipotesis pertama, kedua, ketiga dan keempat. Manakala bagi hipotesis kelima dan keenam, analisis korelasi telah digunakan.

## **BAB 3**

### **KEPUTUSAN KAJIAN**

#### **Pendahuluan**

Bab ini akan membentangkan keputusan-keputusan yang telah diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan. Data yang diperolehi telah dianalisa mengikut kaedah ANOVA dan korelasi.

#### **KEPUTUSAN HIPOTESIS PERTAMA**

#### **REMAJA PEREMPUAN MEMPERSEPSIKAN IBUBAPA SEBAGAI LEBIH BERSIFAT KURANG PENYAYANG DAN TERLALU MENGAWAL BERBANDING DENGAN REMAJA LELAKI**

Keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan (lihat Jadual 3.1(a) dan Jadual 3.1 (b)) di antara remaja perempuan dan remaja lelaki dari segi persepsi mereka terhadap ibubapa mereka, di mana nilai ANOVA bagi persepsi remaja terhadap ibubapa penyayang ialah  $F(1,148)=0.001$ ,  $p=.9758$  dengan min remaja lelaki sebanyak 20.4853 dan jumlah min perempuan sebanyak 20.5000. Nilai ANOVA bagi persepsi remaja terhadap ibubapa sebagai terlalu mengawal pula iaitu  $F(1,149)=.110$ ,  $p=.7404$  dengan min bagi remaja lelaki sebanyak 18,6765 dan min remaja perempuan sebanyak 18.4337. Berdasarkan perolehan kedua-dua keputusan yang telah diperolehi, bermakna hipotesis pertama tidak diterima.

Ringkasnya keputusan yang diperolehi menunjukkan tiada perbezaan dari segi persepsi terhadap ibubapa di antara remaja perempuan dengan remaja lelaki.

### JADUAL 3.1(a)

Nilai ANOVA bagi sifat penyayang ibubapa

Sumber	df	J.K.D.	M.K.D.	F	p
Jantina	1	.008	.008	.001	.9758
Kesilapan	148	1291.485	8.726		

#### Jadual min

Lelaki - 20.4853

Perempuan - 20.5000

### JADUAL 3.1 (b)

Nilai ANOVA bagi sifat mengawal ibubapa

Sumber	df	J.K.D.	M.K.D.	F	p
Jantina	1	2.202	2.202	.110	.7404
Kesilapan	149	2977.268	19.982		

#### Jadual min

Lelaki - 18.6765

Perempuan - 18.433

## KEPUTUSAN HIPOTESIS KEDUA

### REMAJA BERUMUR 13 TAHUN MEMPERSEPSIKAN IBUBAPA MEREKA SEBAGAI LEBIH PENYAYANG DAN KURANG MENGAWAL BRRBANDING DENGAN REMAJA YANG BERUMUR 16 TAHUN

Keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan (lihat Jadual 3.2 (a) dan Jadual 3.2 (b)) di antara remaja yang berumur 13 tahun dan dengan yang berumur 16 tahun dari segi persepsi mereka terhadap ibubapa mereka dari segi penyayang. Nilai ANOVA yang diperolehi ialah  $F(1,147)=.861$ ,  $p=.3550$  sementara nilai min pula, 20.7286 bagi remaja berumur 13 tahun dan nilai min bagi remaja 16 tahun iaitu 20.2785. Berdasarkan keputusan di atas, hipotesis kedua tidak diterima. Dengan penolakan hipotesis ini juga bermakna pandangan yang mengatakan remaja berumur 16 tahun selalu mempersepsikan ibubapa mereka sebagai terlalu mengawal adalah tidak tepat.

Jadual 3.2(b) pula bertujuan untuk menunjukkan sejauh mana perbezaan di antara remaja berumur 13 tahun dan remaja 16 tahun dalam mempersepsikan ibubapa mereka sebagai terlalu mengawal. Keputusan yang diperolehi juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan. Keputusannya ialah  $F(1,157)=.671$ ,  $p=.4140$ . Jumlah min yang diperolehi ialah 18.9494 bagi responden berumur 13 tahun dan 18.3750 bagi kumpulan responden yang berumur 16 tahun. Dengan perolehan kedua-dua keputusan yang

telah dikemukakan, bermakna faktor umur tidak berperanan dalam menentukan persepsi remaja terhadap cara membesarkan anak ibubapa mereka.

### JADUAL3.2(a)

Nilai ANOVA sifat penyayang ibubapa

Sumber	df	J.K.D.	M.K.D.	F	p
Umur	1	7.519	7.519	.861	.3550
Kesilapan	147	1283.716	8.733		

### Jadual min

Umur 13 tahun - 20.7286

Umur 16 tahun - 20.2785

### JADUAL 3.2 (b)

Nilai ANOVA bagi sifat terlalu mengawal ibubapa

Sumber	df	J.K.D.	M.K.D.	F	p
Umur	1	13.113	13.113	.671	.4140
Kesilapan	157	3068.547	19.545		

Jadual min

Umur 13 tahun - 18.9494

Umur 16 tahun - 18.3750

KEPUTUSAN HIPOTESIS KETIGA**REMAJA PEREMPUAN MEMPUNYAI MOTIVASI  
PENCAPAIAN YANG LEBIH TINGGI DARIPADA REMAJA  
LELAKI**

Keputusan kajian (lihat Jadual 3.3) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar-pelajar lelaki dan pelajar-pelajar perempuan dari segi motivasi pencapaian. Nilai ANOVA yang diperolehi ialah  $F(1,148) = 6.745$ ,  $p=.0104$  dengan min bagi pelajar lelaki iaitu sebanyak 99.8806, sementara pelajar perempuan ialah 105.0361. Ini bermakna hipotesis ini diterima. Dengan perolehan nilai tersebut, dapat dibuktikan bahawa remaja perempuan mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi daripada remaja lelaki.

**JADUAL 3.3**

Nilai ANOVA bagi motivasi pencapaian

Sumber	df	J.K.D.	M.K.D.	F	p
Jantina	1	985.397	985.397	6.745	.0104
Kesilapan	148	21621.94	146.094		

Jadual min

Pelajar lelaki	-	99.8806
Pelajar perempuan	-	105.0361

KEPUTUSAN HIPOTESIS KEEMPAT

**REMAJA BERUMUR 16 TAHUN MEMPUNYAI MOTIVASI  
PENCAPAIAN YANG LEBIH TINGGI DARIPADA REMAJA  
BERUMUR 13 TAHUN**

Berdasarkan jadual 3.4, menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam status umur dengan motivasi pencapaian seseorang remaja. Nilai ANOVA yang diperolehi ialah  $F(1,147)=154$ ,  $p=.6953$  dengan takat min 103.1143 bagi kumpulan responden berumur 13 tahun dan 102.4000 bagi kumpulan responden berumur 16 tahun. Nilai ANOVA yang dikemukakan membuktikan bahawa hipotesis ini tidak diterima. Ini bermaksud bahawa faktor umur bukanlah merupakan penentu

kepada tinggi atau rendahnya motivasi **pencapaian** seseorang remaja.

### JADUAL 3.4

Nilai ANOVA bagi motivasi pencapaian

Sumber	df	J.K.D.	M.K.D.	F	p
Umur	1	23.624	23.624	.154	.6953
Kesilapan	147	2254.174	153.362		

### Jadual min

13 tahun - 103.1143

16 tahun - 102.4000

### KEPUTUSAN HIPOTESIS KELIMA

#### **SIFAT PENYAYANG IBUBAPA AKAN MEMBAWA KEPADA MOTIVASI PENCAPAIAN YANG TINGGI**

Hasil analisis korelasi menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang hubungan yang signifikan,  $r = -0.2$  ( $r_{crit} = .22$  bagi two-tailed test pada aras .05). Dengan keputusan ini, maka hipotesis keempat tidak diterima. Nilai korelasi yang diperolehi menunjukkan bahawa sifat penyayang ibubapa sebenarnya tidak boleh menentukan takat motivasi pencapaian seseorang remaja.

**JADUAL 3.5**

Nilai korelasi antara sifat penyayang ibubapa dengan motivasi pencapaian remaja

Pengiraan	Variasi	Korelasi	Kuasa dua R
150	-.614	-0.17	2.852E-4

**KEPUTUSAN HIPOTESIS KEENAM****SIFAT TERLALU MENGAWAL IBUBAPA AKAN MEMBAWA KEPADA MOTIVASI PENCAPAIAN YANG RENDAH**

Hasil analisis korelasi menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang hubungan yang signifikan,  $r=.03$  ( $r \text{ crit} = .22$  bagi two-tailed test pada aras .05). Dengan keputusan ini hipotesis keenam tidak diterima. Ianya juga bermaksud bahawa sifat terlalu mengawal ibubapa bukanlah merupakan penyebab kepada takat motivasi pencapaian yang rendah.

**JADUAL 3.6**

Nilai korelasi antara sifat terlalu mengawal ibubapa akan membawa kepada motivasi pencapaian yang rendah

Pengiraan	Variasi	Korelasi	Kuasa dua R
150	1.353	.025	0.01

**Kesimpulan**

Secara keseluruhan, kecuali bagi hipotesis ketiga, dapatlah dikatakan bahawa hubungan di antara cara membesarkan anak dengan motivasi pencapaian remaja adalah tidak begitu signifikan. Dengan perolehan keputusan tersebut menunjukkan faktor umur, jantina serta cara membesarkan anak sama ada bersifat penyayang ataupun terlalu mengawal tidak semestinya dapat menentukan takat motivasi seseorang individu. Ini bermakna, dalam mengkaji motivasi ini faktor-faktor lain perlu diambilkira bagi menjelaskan bagaimana sesuatu motivasi pencapaian itu terbentuk seperti faktor persekitaran, budaya, sosio-ekonomi dan sebagainya.

## **BAB 4**

### **PERBINCANGAN**

#### **Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan keputusan kajian yang telah diperolehi daripada bab keputusan. Perbincangan adalah berdasarkan kepada setiap bahagian hipotesis yang telah dikemukakan.

Secara keseluruhan, keputusan yang diperolehi menunjukkan dimensi cara membesarkan anak tidak berperanan secara langsung terhadap pembentukan motivasi pencapaian seseorang individu; hanya faktor jantina sahaja yang memperlihatkan hubungan yang signifikan dengan motivasi pencapaian.

Dalam hipotesis yang pertama, pengkaji telah mengemukakan pendapat bahawa:

Remaja perempuan mempersepsikan ibubapa sebagai bersifat kurang penyayang dan terlalu mengawal berbanding dengan remaja lelaki

Keputusan analisis menunjukkan tiada perbezaan dari segi jantina di antara remaja perempuan dan remaja lelaki dalam cara mereka mempersepsikan ibubapa sama ada bersifat kurang penyayang atau terlalu mengawal. Terdapat beberapa

kemungkinan yang dapat menjelaskan perkara ini. Antaranya, ialah kerana ibubapa kini telah mempunyai kesedaran yang tinggi tentang betapa perlunya untuk membahagikan kasih sayang secara adil di antara anak perempuan dan lelaki. Ibubapa juga sedar bahawa sekiranya sikap memilih kasih ini diamalkan, ia boleh mendatangkan akibat yang buruk kepada perkembangan mental serta psikologi anak-anak. Peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan juga tidak boleh diperkecilkan. Antaranya seperti mengadakan kempen 'Keluarga Bahagia', 'Rumahku Syurgaku', 'Ke Arah Masyarakat Penyayang dan sebagainya. Terdapat juga program-program khas yang diadakan menerusi saluran televisyen dan radio bagi memberi pandangan dan panduan untuk mendidik serta memupuk kasih sayang di kalangan anak-anak dengan jayanya. Selain itu, program ini juga turut membincangkan tentang masalah-masalah yang berkaitan dengan hal-hal perhubungan di antara ibubapa dengan anak-anak dan cara penyelesaian bagi masalah tersebut. Biasanya program seumpama ini dikendalikan dalam bentuk forum dengan membariskan tokoh-tokoh agama dan pakar-pakar dalam bidang psikologi untuk memberikan pandangan masing-masing. Contohnya seperti Dr. Hasan Ali dari AKRAB dan Prof. Dr. Hj. Harun Din dari Universiti Kebangsaan merupakan antara tokoh yang tidak asing lagi bagi penonton yang sering mengikuti rancangan televisyen bercorak isu semasa iaitu Ehwat Islam. Program seperti ini sudah tentu sedikit sebanyak telah memberi kesedaran kepada ibubapa tentang pentingnya menjamin keharmonian di dalam rumahtangga. Atas kesedaran ini, ibubapa

kini mula menunjukkan sikap terbuka. Sikap ini telah menjadikan hubungan di antara ibubapa dengan anak-anak kini lebih mesra. Anak-anak juga semakin cenderung untuk merujuk masalah mereka kepada ibubapa.

Di samping itu, perubahan di dalam struktur masyarakat yang pesat juga telah membawa perubahan besar kepada peranan tugas di dalam masyarakat kita pada hari ini. Menurut tradisi lama ibubapa lebih mementingkan anak lelaki daripada anak perempuan kerana menganggap anak lelaki sahaja yang dapat menjadi penyumbang sumber rezeki kepada ibubapa apabila meningkat dewasa. Manakala anak perempuan pula hanya dikaitkan dengan tugas-tugas yang berkaitan dengan urusan rumahtangga dan tugas melahirkan zuriat semata-mata. Ekoran dari perbezaan dalam pengharapan yang telah diletakkan oleh ibubapa ke atas anak-anak tersebut, maka tidak hairanlah apabila didapati anak perempuan biasanya menerima layanan yang bertaraf sekunder dalam semua segi sejak kecil lagi. Keadaan ini sudah pasti mempengaruhi corak pemikiran serta tahap motivasi pencapaian mereka. Namun begitu keadaan kini telah berubah. Sejalan dengan pembangunan ekonomi serta sosial yang pesat, menyebabkan permintaan terhadap tenaga buruh turut bertambah. Bagi memenuhi permintaan tersebut, kaum wanita telah diberi peluang untuk turut sama bergiat cergas di dalam sektor ekonomi. Mereka juga telah berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tertinggi. Keadaan ini secara tidak langsung telah meletakkan kaum wanita setaraf dengan taraf

kaum lelaki, malah kadang-kadang lebih tinggi lagi. Kaum wanita kini tidak lagi dianggap hanya layak duduk di rumah sahaja, malah mampu untuk turut menyumbang di samping menjadi penjaga yang baik kepada ibubapa apabila mereka tua kelak. Atas kesedaran ini maka mungkin ibubapa kini didapati tidak lagi membezakan corak layanan mereka terhadap anak perempuan.

Bagi hipotesis kedua pula, pengkaji mengemukakan bahawa:

Remaja berumur 13 tahun mempersepsikan ibubapa mereka sebagai lebih penyayang dan kurang mengawal berbanding dengan remaja yang berumur 16 tahun

Keputusan analisis bagi hipotesis kedua ini menunjukkan tiada perbezaan di antara remaja berumur 13 tahun dan remaja 16 tahun dalam cara mereka mempersepsikan sikap ibubapa masing-masing. Ini menunjukkan bahawa faktor umur sebenarnya tidak berperanan dalam mempengaruhi persepsi seseorang remaja terhadap layanan yang diterimanya dari ibubapa. Sebaliknya, ia lebih banyak bergantung kepada sejauh mana perasaan mesra, saling faham memahami serta sifat toleransi dapat diwujudkan di antara seseorang ibubapa dengan anak-anak mereka. Seandainya kesemua nilai-nilai tersebut dapat dipupuk di dalam sesebuah keluarga, maka tidak akan timbul soalan perbezaan pendapat di kalangan anak-anak yang berlainan umur terhadap corak layanan yang diterima dari ibubapa.

Selain itu, faktor sejauh mana seseorang remaja dapat melalui zaman remaja mereka dengan jayanya juga boleh dijadikan ukuran kepada cara mereka mempersepsikan layanan yang diterima dari ibubapa. Ini kerana sesetengah remaja dalam meniti ke arah kematangan akan mengalami mengalami beberapa perubahan dari segi fizikal, mental ataupun emosi yang mana kadang-kadang perubahan yang berlaku secara mendadak ini turut mengakibatkan berlakunya kekeliruan dari segi identiti serta masalah salah sesuai (maladjustment) yang serius. Keadaan haru-biru ini (Hall, 1916 dan Lefrancois, 1990) sudah pasti sedikit sebanyak akan mempengaruhi corak hubungan di antara seseorang remaja dengan ibubapa mereka. Perhubungan dengan ibubapa biasanya berada di dalam keadaan yang tegang kerana remaja merasakan ibubapa tidak memahami diri mereka dan di pihak ibubapa pula, remaja tersebut dirasakan terlalu sukar untuk dikawal. Bagaimanapun berdasarkan keputusan yang diperolehi, terdapat kemungkinan secara kebetulan responden yang terpilih bagi tujuan kajian ini tidak mengalami zaman harubiru yang serius seperti yang dijelaskan di atas dan oleh itu keputusan yang diperolehi tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

Di samping itu, tiadanya perbezaan yang signifikan di antara kedua kumpulan umur ini boleh dikaitkan dengan faktor budaya dan agama masyarakat di sini yang menekankan pentingnya perhubungan yang baik terjalin di antara seseorang anak dengan

ibubapa mereka. Budaya ini ternyata berbeza dengan yang diamalkan di negara barat di mana golongan remaja di sana dalam peringkat usia ini dikatakan bebas untuk melakukan apa sahaja yang mereka suka tanpa mendapat bantahan dari ibubapa. Contohnya, seperti menghisap rokok, melakukan pehubungan seks dan sebagainya. Remaja di sini pula biasanya di peringkat umur ini, masih lagi bergantung hidup dengan ibubapa. Oleh itu, mereka biasanya lebih bersifat patuh kepada keputusan yang dibuat oleh ibubapa dan walaupun mereka kadang-kala tidak bersetuju dengan ibubapa, mereka jarang meenyuarakannya secara terbuka.

Dalam hipotesis ketiga, pengkaji telah mengemukakan pendapat bahawa:

Remaja perempuan mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi daripada remaja lelaki

Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara remaja perempuan dan remaja lelaki dari segi tahap motivasi pencapaian masing-masing di mana remaja perempuan dikatakan mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan remaja lelaki. Ini bermakna hasil kajian ini menyokong oleh kajian yang dilakukan oleh Wee (1988) dan Suriyati (1989).

Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat menjelaskan keputusan hasil ini. Antaranya, secara keseluruhan remaja

perempuan mengalami proses kematangan dua tahun lebih awal berbanding dengan remaja lelaki (Dickinson dan Leming, 1990). Keadaan ini selain menyebabkan mereka secara fizikalnya lebih besar, juga memiliki pemikiran yang lebih matang dari remaja lelaki. Pemikiran matang ini pula selalunya dikaitkan dengan pembentukan tahap motivasi pencapaian yang semakin bertambah. Dengan kata lain tahap kematangan seseorang individu mempunyai perhubungan yang signifikan dengan pembentukan fungsi otak yang bertambah sempurna, maka sebab itu semakin matangnya seseorang, kesedaran mereka terhadap pentingnya perancangan-perancangan yang bersifat jangka panjang juga turut bertambah. Perancangan-perancangan yang dimaksudkan di sini dapat dirujuk kepada bentuk cita-cita seseorang. Cita-cita ini penting kerana ia dapat menentukan kejayaan hidup seseorang di masa hadapan. Oleh kerana remaja perempuan kebanyakannya matang lebih cepat dari remaja lelaki, maka tidak menghairankan apabila kita dapati mereka lebih cenderung memikirkan tentang perancangan masa hadapan mereka. Ini dapat dibuktikan melalui keputusan akademik yang diperolehi dari responden yang menyertai ujian kajiselidik ini yang mana secara keseluruhan, responden perempuan menunjukkan prestasi yang lebih baik semasa peperiksaan UPSR dan SRP berbanding dengan responden lelaki. Namun begitu, kita tidak pula boleh mengeneralisasikan bahawa kesemua remaja lelaki mempunyai tahap motivasi pencapaian yang rendah. Keadaan di mana remaja perempuan dapat menyaingi remaja lelaki dari segi tahap motivasi pencapaian ini sebenarnya hanya

bersifat sementara. Pandangan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Maccoby (1966) yang mendapati kanak-kanak perempuan biasanya memperolehi markah yang lebih baik berbanding dengan kanak lelaki sepanjang zaman persekolahan. Bagaimanapun keadaan ini akan berubah terutamanya semasa kanak-kanak lelaki tersebut meningkat dewasa, iaitu semasa mereka mula berada di pusat-pusat pengajian tinggi di mana mereka dapat menandingi golongan perempuan dalam hampir semua aspek intelektual. Ini terbukti kerana kebanyakan penulis-penulis artikel, buku, karya seni dan ahli saintis adalah terdiri dari kaum lelaki.

Bagi hipotesis keempat, pengkaji telah mengemukakan pendapat bahawa:

Remaja berumur 16 tahun mempunyai motivasi pencapaian yang lebih tinggi daripada remaja berumur 13 tahun

Keputusan kajian yang diperolehi menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dari segi perbezaan umur dengan tahap motivasi pencapaian seseorang remaja. Dengan perolehan keputusan ini, maka dapatlah kita membuat rumusan bahawa umur yang lebih matang tidak semestinya menunjukkan tahap motivasi pencapaian yang lebih tinggi.

Ia juga menunjukkan terdapat terdapat faktor-faktor lain yang berkemungkinan mempengaruhi keputusan kajian ini. Antaranya, seperti faktor bentuk sosio-ekonomi sesebuah

keluarga. Bentuk sosio-ekonomi ini perlu dikaji kerana ia dapat memberikan gambaran mengenai taraf kehidupan yang dinikmati oleh sesebuah keluarga tersebut.

Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan pelajar yang datang dari keluarga berpendapatan rendah lebih cenderung menunjukkan taraf pencapaian akademik yang lebih rendah berbanding dengan mereka yang datang dari keluarga yang berpendapatan tinggi ataupun sederhana. Terdapat alasan yang dapat dijadikan sebab kepada keadaan ini. Antaranya ialah kerana kebanyakan ibubapa yang berpendapatan rendah terpaksa bekerja lebih masa bagi membolehkan mereka menampung perbelanjaan seharian keluarga. Ekoran dari ini, kebanyakan mereka sentiasa sibuk dan ditambah oleh rasa kepenatan, sehingga tidak mempunyai masa untuk menumpukan perhatian terhadap pencapaian akademik anak-anak. Di samping itu, jikapun mereka menunjukkan minat dan cuba membantu anak-anak di dalam matapelajaran yang anak-anak tidak faham, ibubapa yang berpendapatan rendah ini biasanya tidak dapat membantu sepenuhnya memandangkan mereka sendiri tidak berpelajaran tinggi. Disamping itu, kesempitan hidup ini juga kadang-kadang menyebabkan segelintir dari mereka seperti hilang pertimbangan sehingga menjadikan anak-anak sebagai tempat untuk melepaskan rasa marah dan kekecewaan mereka. Keadaan ini sudah pasti sedikit sebanyak menjejaskan hubungan komunikasi di antara ibubapa dengan anak-anak dan seterusnya juga boleh memberi kesan yang buruk kepada proses

perkembangan motivasi pencapaian anak-anak tersebut. Manakala bagi pelajar yang datang dari keluarga yang mempunyai sumber pendapat ekonomi yang kukuh pula, selain mempunyai latarbelakang pendidikan yang lebih tinggi, mereka juga mempunyai lebih masa yang terluang untuk mengikuti perkembangan anak-anak di sekolah. Bagi anak-anak yang didapati lemah di dalam matapelajaran tertentu, ibubapa berkenaan sama ada cuba membantu ataupun menghantar mereka untuk mengikuti kelas-kelas tuisyen ataupun kelas-kelas bimbingan yang lain. Oleh itu tidak hairanlah apabila kita dapati tahap pencapaian mereka selalunya di tahap yang memuaskan. Pandangan ini dapat dibuktikan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Kagan dan Moss (1962) dalam Heckhausen (1967) yang mengatakan motivasi pencapaian di kalangan anak-anak berkolerasi secara positif dengan tahap pendidikan terutamanya bapa mereka. Pertalian ini mudah difahami kerana ibubapa merupakan model peranan yang dilihat oleh anak-anak setiap hari yang mana hasil dari pengamatan tersebut, anak-anak dapat meniru nilai-nilai dari orang tua mereka dan dari nilai-nilai tersebut, mengembangkan pula nilai-nilai mereka sendiri. Dengan kata lain ibubapa merupakan peranan model yang penting terhadap pembentukan motivasi pencapaian seseorang anak. Maka atas kesedaran itu, ibubapa haruslah menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada anak-anak kerana setiap pergerakan mereka akan diamati dan seterusnya menjadi ikutan anak-anak. Di samping itu, mereka juga haruslah menyediakan persekitaran

yang memuaskan bagi menolong pembentukan motivasi pencapaian anak-anak.

Dalam hipotesis seterusnya iaitu hipotesis kelima, pengkaji telah pendapat bahawa:

Sifat penyayang ibubapa akan membawa kepada motivasi pencapaian yang tinggi

Keputusan analisis menunjukkan tiada perhubungan yang signifikan di antara sifat penyayang ibubapa dengan motivasi pencapaian anak-anak.

Berdasarkan keputusan ini juga dapatlah kita membuat rumusan bahawa sifat penyayang ibubapa semata-mata tidak semestinya menjanjikan pembentukan motivasi pencapaian yang tinggi di kalangan anak-anak. Ini kerana layanan secara ini tanpa di sertai dengan sifat ketegasan boleh mendorong anak-anak menjadi manja dan cenderung bergantung kepada orang lain. Pandangan ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Baumrind (1991) dan Dornbusch, Ritter, Leiderman, Roberts dan Fraleigh (1987) yang menyarankan dalam membesarkan anak-anak, perlunya kombinasi antara penyayang dan kawalan yang tinggi digunakan bagi melahirkan anak-anak yang berjaya.

Bagi hipotesis terakhir, iaitu hipotesis keenam, pengkaji telah mengemukakan pendapat bahawa :

Sifat terlalu mengawal ibubapa akan membawa kepada motivasi pencapaian yang rendah

Keputusan menunjukkan sifat terlalu mengawal ibubapa tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap motivasi seseorang remaja. Hasil keputusan ini juga tidak menyetujui pandangan yang dikemukakan oleh Seligman (1975) yang mengatakan bahawa ibubapa yang bersifat terlalu mengawal akan menyebabkan anak-anak menjadi individu yang suka bergantung kepada orang lain. Pandangan ini dapat dikaitkan dengan keputusan kajian ini kerana sifat bergantung merupakan salah satu daripada ciri-ciri yang menunjukkan tahap motivasi pencapaian yang rendah.

Hasil keputusan ini mencadangkan bahawa sifat terlalu mengawal ini tidak semestinya mendatangkan kesan yang buruk kepada golongan remaja semata-mata. Malah kadang-kadang ia lebih membawa ke arah kebaikan. Ini kerana pada tahap usia sebegini, dengan terdapatnya kegiatan sosial yang tidak sihat di samping pengaruh-pengaruh luar yang berunsur negatif, maka ibubapa sebagai golongan yang bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak, perlu memastikan anak-anak mereka tidak terjerumus di dalam gejala yang tidak sihat ini. Anak-anak pula perlu diberi penjelasan terhadap sikap ibubapa mengawal mereka.

Sebagai rumusnya, cara membesarkan **anak memerlukan** pendekatan yang fleksibel, yaitu ibubapa **perlulah tahu** mengimbangkan corak layanan mereka iaitu **mengetahui** masanya untuk menunjukkan sifat penyayang ataupun sifat mengawal. Ini supaya anak-anak tahu batasan-batasan mereka dan dalam masa yang sama tidak merasa begitu terkongkong.

Berdasarkan keputusan yang diperolehi dari hipotesis-hipotesis yang telah dikemukakan, maka jelaslah bahawa teori McClelland (1961) yang mengatakan bahawa cara seseorang individu dibesarkan berperanan dalam menentukan tahap motivasi mereka tidak boleh diterima sepenuhnya. Pengkaji bersependapat dengan Maehr dan Nicoll (1980) yang telah menyangkal pendapat ini dan mencadangkan sebenarnya terdapat faktor-faktor lain yang seharusnya diambil kira dalam mengkaji perhubungan motivasi seseorang. Antaranya, seperti faktor jangkaan sosial, norma masyarakat, persekitaran, pengaruh rakan sebaya dan sebagainya.

## **BAB 5**

Penutup

Pendahuluan

Bab ini akan mengemukakan perkara-perkara yang berkaitan dengan rumusan kajian secara keseluruhan serta beberapa saranan yang difikirkan dapat menjadi penyumbang idea kepada bakal pengkaji lain di masa akan datang.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana cara membesarkan anak berkorelasi dengan motivasi pencapaian seseorang remaja. Terdapat dua pembolehubah yang telah ditetapkan dalam mengkaji perhubungan ini iaitu dari aspek penyayang dan terlalu mengawal ibubapa. Setelah keputusan diperolehi, ternyata kedua-dua pembolehubah ini tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi pencapaian. Ini bermakna pendekatan McClelland(1961) dan beberapa pengkaji barat lain yang menekankan kepentingan amalan didikan anak-anak bagi membantu membentuk individu yang bermotivasi tinggi adalah tidak tepat dalam konteks masyarakat di sini.

Namun begitu, hanya faktor jantina sahaja yang memperolehi hubungan yang signifikan dengan motivasi pencapaian yang mana remaja perempuan dikatakan mempunyai tahap motivasi yang lebih tinggi berbanding dengan remaja lelaki.

## Rumusan

Keputusan kajian juga memberi idea kepada kita bahawa tahap motivasi pencapaian dalam diri seseorang individu tidak semestinya terbentuk dari cara mereka dibesarkan. Sebaliknya, perlu juga diambil kira faktor-faktor lain yang juga turut mempunyai pengaruh dalam pembentukan motivasi ini. Contohnya seperti faktor budaya, persekitaran, sosio-ekonomi, pengaruh rakan sebaya, psikologi dan sebagainya.

Oleh itu, ibubapa sebagai agen sosialisasi terpenting anak-anak, seharusnya bijak dalam mengimbangkan kasih sayang yang diberikan agar anak-anak tidak terlalu dimanjakan atau merasa diri mereka diabaikan. Cara ini penting bagi membantu anak-anak menjalani proses perkembangan kognitif serta mental yang sempurna dan seterusnya membentuk motivasi pencapaian yang tinggi.

## Saranan

Pengkaji berpendapat item bagi skil The Parental Bonding Instrument (Parker, et. al, 1978) masih tidak mencukupi dalam memberikan gambaran yang jelas sama ada seseorang anak itu menerima layanan dari ibubapa sama ada dalam bentuk penyayang ataupun terlalu mengawal. Oleh itu bagi kajian-kajian akan datang, seharusnya ditambahkan lagi bilangan item-item yang terdapat dalam setiap dimensi sifat penyayang dan terlalu

mengawal ibubapa. Skil ini juga perlu diolah semula bagi menyesuaikan dengan konteks masyarakat kita. Ini kerana bentuk soalan yang terdapat di dalam skil ini lebih tepat dikatakan lebih banyak berpandukan dari perspektif masyarakat barat yang ternyata mengamalkan nilai-nilai budaya yang berbeza. Sebagai contoh, masyarakat barat biasanya lebih cenderung mengamalkan sikap berterus-terang dalam pergaulan seharian mereka. Oleh itu tidak hairanlah apabila kita dapati mereka lebih bersikap ekspresif dalam memperlihatkan perilaku-perilaku (gestures) seperti lebih kerap memberi ucapan kasih sayang secara vokal ataupun memberi peluk cium mesra kepada anak-anak ( contohnya apabila mereka berjaya di dalam melakukan sesuatu tugas dengan jayanya ). Amalan juga tidak terhad di kalangan ahli keluarga sahaja malah turut berlaku di kalangan rakan taulan yang rapat dengan mereka. Selain itu, anak-anak pula biasanya lebih diberi kebebasan dalam pergaulan sosial mereka. Bagaimanapun, di kalangan masyarakat timur, sikap ini jarang diamalkan. Perbezaan ini mungkin wujud disebabkan oleh faktor budaya masyarakat di sini yang dikatakan tidak suka berterus terang dalam menyatakan tentang perasaan mereka serta kurang ekspresif apabila berdampingan dengan anak-anak. Bagi mereka kasih sayang tidak semestinya ditunjukkan melalui pergerakan fizikal ataupun tutur kata tetapi memadai melalui tingkahlaku serta tanggungjawab sebagai ibubapa yang dilaksanakan dengan baik. Anak-anak pula biasanya walaupun jarang menerimai ucap kata sayang dari ibubapa mereka tetap tahu yang mereka disayangi. Ibubapa

masyarakat timur dalam membesarkan anak beranggapan perlunya terdapat garis sempadan yang memisahkan di antara taraf seorang anak dengan ibubapa mereka. Tujuannya supaya anak-anak tidak akan mengambil mudah semasa berinteraksi dengan ibubapa dan sentiasa mengekalkan rasa hormat kepada mereka. Amalan sikap ini pada dasarnya ada kebenarannya kerana berbanding dengan masyarakat barat, anak-anak dari kalangan masyarakat timur dikatakan lebih menghormati ibubapa mereka. Berdasarkan pendapat ini, ternyata terdapatnya perbezaan dari segi pendapat mengenai definisi penyayang dan terlalu mengawal di antara masyarakat Barat dengan masyarakat timur. Atas kesedaran ini, maka dicadangkan supaya di masa-masa akan datang, skil ini dapat dibaiki serta diselaraskan bersesuaian dengan nilai-nilai norma masyarakat kita.

Berkenaan dengan skil Mehrabian Achievement Scale (1971), validiti alat ukuran ini masih lagi perlu dikaji semula. Cara terjemahan yang mudah harus dicari bagi memastikan supaya responden dapat memahami skil tersebut dengan sebaik mungkin. Ini kerana pengkaji memperolehi maklumat bahawa terdapat sebilangan responden tidak begitu memahami soalan-soalan yang terkandung di dalam skil tersebut. Keadaan ini berlaku mungkin juga kerana responden belum pernah menemui ujian-ujian seperti yang terdapat dalam kajian ini ataupun tidak biasa menjawab cara permarkahan berdasarkan pemeringkatan (0-8) yang terdapat di dalam skil ini menyebabkan mereka menilai soalan-soalan tersebut secara sambil lewa sahaja.

Selanjutnya, tumpuan juga tidak seharusnya **terhad kepada** pembolehubah-pembolehubah yang terhad dalam **menilai** motivasi pencapaian seseorang individu. Sebaliknya, hendaklah disediakan berbagai pembolehubah-pembolehubah yang lebih luas iaitu dari segi prestasi sekolah responden, sikap guru-guru, rakan sebaya, dorongan guru-guru, peranan rakan sebaya, sosio-ekonomi dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan kesemua pembolehubah ini sebenarnya mempunyai hubungan yang bersifat saling timbal balik di antara satu sama lain.

Dari segi perlaksanaan pula, seharusnya diperbanyakkan lagi bahan-bahan bacaan yang dapat membantu meningkatkan lagi tahap motivasi di kalangan kanak-kanak dan golongan remaja.

Oleh kerana kajian ini cuma melibatkan beberapa buah sekolah dengan bilangan respondennya yang begitu terhad, maka kita tidak boleh mengeneralisasikan bahawa keputusan yang diperolehi mewakili semua remaja di kawasan Kuala Lumpur serta kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya.

### Kesimpulan

Pembentukan motivasi pencapaian sebenarnya dipengaruhi oleh banyak faktor yang bersifat saling berkait di antara satu sama lain. Penerapan nilai-nilai motivasi pencapaian ini perlu

diambil inisiatif oleh semua pihak, iaitu dari peringkat keluarga, masyarakat dan seterusnya negara.

University of Malaya